



2. Namakan benua, lautan, laut dan selat berdasarkan pernyataan yang diberi. Pilihan jawapan disediakan.

Benua	Lautan	Laut
Benua Asia	Lautan Selatan	Laut China Selatan
Benua Australia	Lautan Atlantik	Laut Sulu
Benua Eropah	Lautan Artik	
Benua Antartik	Lautan Hindi	Selat
Benua Afrika	Lautan Pasifik	Selat Tebrau
Benua Amerika Utara		Selat Melaka
Benua Amerika Selatan		

Pernyataan	Jawapan
Benua	
(a) Benua yang paling mendatar di dunia	
(b) Benua terbesar di dunia, keluasan 55.8 juta kilometer persegi	
(c) Benua yang terletak paling selatan	
(d) Benua yang kedua terbesar di dunia	
(e) Benua yang kedua terkecil di dunia	
(f) Benua yang ketiga terbesar di dunia	
(g) Benua yang keempat terbesar di dunia	
Lautan	
(h) Lautan terkecil dan tercetek di dunia	
(i) Lautan terbesar di dunia dengan purata kedalaman 4 300 m	
(j) Lautan kedua terbesar di dunia	
(k) Lautan yang mengelilingi Benua Antartika	
(l) Lautan yang bersempadan dengan Benua Asia, Afrika dan Australia	
Laut dan selat	
(m) Merangkumi perairan dari Selat Melaka hingga ke Selat Taiwan	
(n) Selat yang terpanjang di dunia	

Panduan RPH untuk Guru:

BBM	Buku teks, peta dunia
PAK 21	Gallery Walk
Nilai Murni	Bekerjasama, toleransi
KBAT	Mencipta
EMK	Kelestarian alam sekitar
I-THINK	—
Penilaian	Lembaran kerja dan hasil kerja

Cadangan Aktiviti PdPc

- Guru berbincang bersama murid tentang benua-benua di dunia.
- Guru meminta beberapa orang murid menamakan benua utama di dunia berdasarkan peta dunia.
- Guru menerangkan tentang lautan dan laut utama serta selat di dunia berdasarkan peta dunia.
- Murid menjawab soalan-soalan dalam buku Mastery PLUS Geografi halaman 42 dan 43.
- Murid dibahagikan kepada empat kumpulan.
- Kumpulan 1 menghasilkan peta dunia yang menunjukkan kedudukan benua-benua di dunia. Kumpulan 2 menghasilkan peta dunia yang menunjukkan lautan utama di dunia. Kumpulan 3 menghasilkan peta dunia yang menunjukkan laut utama di dunia. Kumpulan 4 menghasilkan peta dunia yang menunjukkan selat utama di dunia.
- Setiap siap, murid menampal hasil kerja di dinding untuk dilihat oleh kumpulan lain.
- Murid daripada kumpulan lain memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan yang lain pada sticky note dan menampal pada hasil kerja tersebut.

Kriteria Kejayaan

Saya berjaya

- memberi contoh tiga benua ☐
- memberi contoh tiga lautan ☐
- memberi contoh satu laut utama ☐
- memberi contoh satu selat ☐